

RANCANGAN PERNIAGAAN

ETR 300

NAMA PERNIAGAAN: DE-VISION MICROSYS SDN. BHD.

NAMA AHLI:-

**NORUL NATASHA MOHAMAD YUSOFF
95469527**

**NOR FARRAHEZAN AWABI ABD. WAHAB
96505146**

**YUSMI ELMY MOHD. IDRUS
96747513**

**SALMINA YUZIE JAMIN
96630471**

**AZUWATI AZIZ
96348826**

KELAS 5D

TARIKH SIAP: 21 SEPTEMBER 1998

UNTUK:-

PUAN MAZIAH ONN

INSTITUT TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PERLIS

ISI KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

TAJUK	I
SURAT PENGESAHAN	II
SURAT PENYERAHAN	III
SURAT PERJANJIAN SYARIKAT SDN. BHD.	V
PENGHARGAAN	VIII
LOGO	IX
PENAFSIRAN LOGO	1
PENGENALAN PERNIAGAAN	2
TUJUAN RANCANGAN PERNIAGAAN	5
LATARBELAKANG PERNIAGAAN	6
LATARBELAKANG AHLI KONGSI	8
RANCANGAN PENTADBIRAN	14
PENGENALAN ORGANISASI	15
STRATEGI ORGANISASI	16
STRUKTUR ORGANISASI	16
SENARAI KAKITANGAN PENGURUSAN	17
TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB KAKITANGAN	18
IMBUHAN BALAS JASA DAN INSENTIF PEKERJA	20
PERANCANGAN KEPERLUAN PEJABAT	22
JADUAL PERBELANJAAN PENTADBIRAN	23
RANCANGAN PEMASARAN	24
PENGENALAN	25
SAIZ PASARAN	27
RAMALAN JUALAN	31
STRATEGI PEMASARAN	34
STRATEGI HARGA	36
STRATEGI PROMOSI	36
STRATEGI EDARAN	37
PERBELANJAAN PEMASARAN	38

PERKARA

MUKA SURAT

RANCANGAN OPERASI	39
PENGENALAN OPERASI	40
LANGKAH-LANGKAH PROSES	41
SENARAI BAHAN MENTAH	42
CARTA PROSES OPERASI	44
UNIT PENGELUARAN / JAM OPERASI	45
SENARAI NAMA-NAMA PEMBEKAL	47
PERBELANJAAN OPERASI	48
TENAGA PEKERJA	49
MESIN DAN PERALATAN	50
SUSUNATUR KESELURUHAN KILANG	51
RANCANGAN KEWANGAN	53
KOS PERLAKSANAAN PROJEK	54
SUMBER PEMBIAYAAN PROJEK	55
JADUAL BAYARAN BALIK PINJAMAN	56
JADUAL SUSUT NILAI ASET TETAP	57
PENYATA ALIRAN WANG TUNAI	62
PENYATA PERKILANGAN	63
PENYATA PERDAGANGAN UNTUNG RUGI	64
PENYATA KUNCI KIRA-KIRA	65
RUMUSAN	66

PENGENALAN PERNIAGAAN

De-Vision MicroSys (DVM) Sdn. Bhd , merupakan salah satu perniagaan perkilangan Sendirian Berhad yang dimiliki oleh bumiputera sepenuhnya, yang akan beroperasi pada 1 Januari tahun 2000. Kilang ini akan mengeluarkan barangan berinformasi berkomputer iaitu *Alpha Visual Information*. Pinjaman berbentuk mesin dan peralatan yang bernilai RM 1,500,000.00 akan diperolehi daripada Bank Pembangunan Malaysia Berhad, manakala modal tambahan sebanyak RM 250,000.00 akan diperolehi melalui sumbangan setiap ahli lembaga pengarah seperti yang disenaraikan di bawah :-

<input type="checkbox"/>	Pengurus Besar	RM 50,000
<input type="checkbox"/>	Pengurus Kewangan	RM 50,000
<input type="checkbox"/>	Pengurus Pemasaran	RM 50,000
<input type="checkbox"/>	Pengurus Pentadbiran	RM 50,000
<input type="checkbox"/>	Pengurus Operasi	RM 50,000

ADAPTIVE-MICRO SYSTEM (M) SDN. BHD., merupakan satu-satunya kilang berteraskan elektronik yang membuat *alpha visual information product* di Malaysia. Kilang ini dimiliki oleh rakyat Amerika Syarikat sepenuhnya yang bertapak di 65, Mergong Barrage Industrial Estate, 05150 Alor Setar, Kedah Darulaman. Kilang ini ditubuhkan pada 4 September 1990 dan memulakan operasi perniagaan pada September 1991. 100% syer adalah dipegang oleh Amerika Syarikat sepenuhnya. Adaptive Micro System Inc.(AMSI) adalah pengeluar utama " *alpha visual information products* " di Amerika Syarikat. AMS menghantar bahan-bahan mentah ke kilang mereka di Mergong kemudian disiapkan oleh pekerja-pekerja tempatan Malaysia dan 97% barang siap di hantar semula ke AMS. Selepas itu, *alpha* tersebut di jual kepada Malaysia semula sebagai produk buatan Amerika. Malaysia dan negara-negara Asia yang lain memang memerlukan barangan eletronik seperti *alpha* dalam pembangunan negara, misalnya seperti di pasaraya, kilang, hospital, lapangan terbang, terminal kapal, Pusat Hiburan seperti permainan bowling, hotel, Institut Pengajian Tinggi dan lain-lain lagi. Pendek kata *alpha* sentiasa mendapat permintaan yang tinggi dari dalam dan luar negara, sehinggakan peniaga nasi lemak ditepi jalan, sudah bijak menggunakan *alpha* sebagai bahan menarik pelanggan.

Menyedari akan hal ini, kami berlima bersepakat, mengambil peluang yang ada, membuka perniagaan perkilangan seperti ini, dan menjadikan AMS sebagai model kami.

Sebagai permulaan untuk bertapak dalam perniagaan yang terlalu asing bagi rakyat Malaysia bumiputera khususnya, kami memulakan perniagaan ini dengan mengeluarkan 3 model utama *alpha visual information product*, iaitu model 2000 series, 4000 series dan 7000 series serta barangan LED Display sebagai aksesori kereta.

Jadi sebagai perintis, kami bertapak ke dunia IT dengan mengeluarkan *alpha visual information product* dengan menggunakan bahan mentah dari dalam negara tanpa mendapat bekalan bahan mentah dari luar negara. Kilang ini di jangka akan bertapak di kawasan perindustrian 2 Mergong, Alor Setar yang merupakan pusat bandar yang mempunyai banyak pembangunan. Bagi kami, lagi besar pembangunan sesebuah bandar itu, maka besarlah keuntungan kami.

Sungguhpun Malaysia telah disekat pembangunannya ekoran kegawatan ekonomi, ini tidak bermakna *alpha* juga mengalami sekatan permintaan. Melalui penyelidikan dan pemerhatian yang kami jalankan, *alpha* bukan saja mendapat permintaan daripada pasaraya, bangunan-bangunan mewah, hotel, hospital, lapangan terbang atau institusi pengajian tinggi. Malahan ia juga mendapat permintaan yang agak tinggi daripada kedai-kedai kecil seperti kedai runcit, restoran dan syarikat-syarikat perkhidmatan yang kecil.

Target utama kami adalah terminal kapal / feri seperti di Kuala Kedah, lapangan terbang,, hotel bertaraf 5 bintang, bank, bangunan mewah, institusi pengajian tinggi perpustakaan awam, stadium dan pasaraya-pasaraya mewah. Walaupun Malaysia mengalami kemerosotan ekonomi, permintaan daripada pengurus terminal kapal / feri, bangunan-bangunan mewah, hotel, pasaraya terhadap *alpha* masih lagi tinggi. Ini adalah untuk menarik perhatian pelancong-pelancong dari luar negara bagi menstabilkan ekonomi Malaysia, tambahan pula negara kita sedang melalui era pemodenan iaitu IT. Dengan *alpha*, sesebuah tempat akan kelihatan menarik dan canggih. Target kedua kami adalah peniaga-peniaga kecil, seperti syarikat-syarikat kecil, restoran, sekolah, kedai runcit dan peniaga-peniaga makanan gerai di tepi jalan. Target kami yang ketiga ialah target jangka panjang iaitu menguasai pasaran luar negara, di mana pengeluaran *alpha* adalah terhad di Asia. Memandangkan *alpha* sentiasa diperlukan bagi menarik perhatian pelanggan, negara-negara Asia tidak terlepas untuk mendapatkan *alpha* sebagai bahan penarik pelancong yang berasaskan IT. Di jangka permintaan yang agak tinggi terutama sekali di negara-negara di dalam Asia Tenggara.